

## Menelusuri Jejak Merdeka



Kuantan, 3 September- Lebih 2000 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) menghadiri Program Jejak Pahlawan Merdeka anjuran UMP dan Radio PahangFM dengan kerjasama beberapa agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) termasuk Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Negeri Pahang , Majlis Agama Islam Adat Istiadat Melayu Pahang, Jabatan Penerangan Negeri Pahang serta Jabatan Pendidikan Negeri Pahang.

Program yang diadakan bersempena sambutan kemerdekaan Malaysia peringkat universiti bertemakan #SehatiSejiwa ini dirasmikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr Yusserie Zainuddin di Kompleks Sukan UMP. Hadir sama Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Hj. Safie, Yang diPertua Persatuan Veteran ATM Negeri Pahang, Kapten (B) Abdul Latiff Mohd Nor, Timbalan Pengarah Penyiaran negeri Pahang, Nasrul Hakim Mohamad Nor dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal ATM , Leftenan Kolenal Azhar Hamdan.



Menurut Profesor Dato' Dr. Yusarie, sambutan kemerdekaan antara acara tahunan anjuran universiti ini pada setiap saban tahun dengan matlamat untuk menanamkan semangat cintakan negara dalam kalangan generasi muda serta mengenang jasa perajurit yang banyak berkorban demi mempertahankan negara sehingga mencapai kemerdekaan seperti yang kita dikmati hari ini.

"Program ini juga memupuk semangat patriotisme dan menghargai nilai perpaduan demi membina sebuah negara bangsa yang merdeka. Tambahan pula ianya dapat memberi pendedahan kepada generasi muda mengenai sejarah perjuangan pahlawan yang telah pergi meninggalkan kita," katanya.



Dalam majlis yang sama turut diadakan majlis sesi berdialog bersama Kapten (B) Abd Latiff yang merupakan pesara tentera yang turut berjuang ketika serangan komunis. Turut berlangsung deklamasi sajak kemerdekaan yang disampaikan Kapten Zainab Abu Bakar bersama juruhebah Radio PahangFM iaitu Zainordin Mohamad dengan penuh semangat patriotisme.

Sepanjang bulan kemerdekaan ini, UMP menganjurkan pelbagai program seperti pertandingan menghias pejabat dengan jalur gemilang, Kayuhan Merdeka dan Konvoi Merdeka membabitkan lebih 50 pemilik kenderaan Alza dan Proton Saga dari MyAlza Owner's Club dan Proton Saga BLM Owners' Club (PROSBOC) sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan ke-58 peringkat UMP.



Posted By : NOR FADZILLA BINTI ZULKIPLI Date Posted : 14-09-2015, 14:28:34